**Soalan Lazim:** Panduan Penetapan Semula Pin Aplikasi MAE

<table>
<tr><td>Q1</td><td>Apakah PIN aplikasi MAE?</td><td>PIN aplikasi MAE ialah PIN 6 digit yang anda buat semasa mendaftar aplikasi MAE anda. Ia merupakan pengesahan alternatif kepada pengesahan biometrik (ID Wajah/Pengecaman Wajah atau Cap Jari) untuk perkara berikut:<ul><li>Melihat baki akaun anda dan maklumat akaun lain</li><li>Mengesahkan transaksi melalui Secure2u</li><li>Menetapkan semula kata laluan M2U anda melalui aplikasi MAE</li></ul></td></tr>
<tr><td>Q2</td><td>Bagaimanakah saya boleh menetapkan semula PIN aplikasi MAE saya?</td><td><ol><li>Pergi ke 'Settings' pada aplikasi MAE.</li><li>Tekan 'Security'.</li><li>Masukkan kata laluan log masuk M2U anda.</li><li>Pilih 'Change App PIN'.</li><li>Tekan 'Forgot PIN'</li><li>Pilih kaedah pengesahan anda:<ul><li>'Sahkan menggunakan MyKad/Pasport' - Imbas ID anda (MyKad/Pasport) dan ambil gambar swafoto dalam aplikasi untuk melengkapkan pengesahan keselamatan.</li><li>'Sahkan menggunakan PIN M2U sementara' - Kunjungi mana-mana ATM Maybank untuk membuat PIN M2U sementara, kemudian masukkannya dalam aplikasi MAE dalam masa 48 jam untuk pengesahan keselamatan.</li></ul></li><li>Cipta PIN aplikasi MAE baharu, sahkan melalui Secure2u dan selesai.</li></ol></td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| Q3 | Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak dapat mengesahkan identiti saya menggunakan MyKad/Pasport apabila saya cuba menetapkan semula PIN aplikasi MAE saya? | Untuk keselamatan akaun anda, jika anda telah gagal beberapa kali untuk mengesahkan identiti anda, anda boleh:<br>• Tunggu selama 24 jam sebelum mencuba lagi, atau<br>• Pilih 'Verify using temporary M2U PIN' sebagai kaedah pengesahan anda dan kunjungi mana-mana ATM Maybank untuk membuat PIN M2U sementara. |
| Q4 | Apakah PIN M2U sementara? Bagaimanakah saya boleh menetapkan PIN M2U sementara? | PIN M2U sementara ialah PIN 6 digit yang boleh anda gunakan untuk menetapkan semula PIN aplikasi MAE anda. Anda boleh menetapkan PIN M2U sementara anda dengan mengikuti langkah-langkah di bawah:<br><br>Pergi ke ATM Maybank terdekat, masukkan kad debit atau kredit anda yang digunakan untuk mendaftarkan akaun Maybank2u anda buat kali pertama, dan masukkan PIN kad 6 digit anda.<br><br>Sila ambil maklum bahawa PIN M2U sementara anda hanya sah selama 48 jam. |
| Q5 | Terdapat beberapa pilihan untuk pengesahan akaun semasa menetapkan PIN M2U sementara. Yang manakah harus saya pilih? | Untuk tujuan keselamatan, anda harus menggunakan kaedah yang sama yang digunakan untuk mendaftarkan akaun Maybank2u anda buat kali pertama. Sila pilih kad debit, kad kredit, nombor MAE Wallet atau Nombor Akses yang sama yang digunakan semasa anda mendaftar untuk Maybank2u untuk pertama kali.<br><br>Jika anda tidak mempunyai kad atau jika anda terlupa kaedah yang anda gunakan, kunjungi cawangan Maybank terdekat untuk mendapatkan Nombor Akses dan tetapkan PIN M2U sementara. |
| Q6 | Bagaimanakah cara menetapkan PIN M2U sementara di ATM Maybank? | 1. Kunjungi ATM Maybank terdekat.<br>2. Masukkan kad anda dan masukkan PIN ATM 6 digit anda.<br>3. Pilih 'Maybank2u/Phone Banking/ATM SMS Alerts''.<br>4. Pilih 'Set Temporary M2U PIN'. |

| | | |
|---|---|---|
| | | 5. Tetapkan PIN M2U sementara 6 digit.<br>6. Pergi ke aplikasi MAE untuk menetapkan semula PIN aplikasi MAE anda menggunakan PIN M2U sementara.<br><br>Nota: Sila gunakan PIN M2U sementara dalam masa 48 jam. |
| Q7 | Apakah senario di mana saya dikehendaki memilih pilihan 'Verify using temporary M2U PIN' untuk menetapkan semula PIN aplikasi MAE saya? | Anda mungkin dikehendaki memilih pilihan 'Sahkan menggunakan PIN M2U sementara' dalam senario berikut:<br>• Anda belum mendaftar untuk Secure2u<br>• Anda sedang dalam tempoh bertenang untuk Secure2u<br>• Anda sebelum ini gagal mengesahkan menggunakan MyKad/Pasport sebanyak tiga (3) kali semasa cuba menetapkan semula PIN aplikasi MAE anda |
| Q8 | Saya telah menggunakan PIN M2U sementara saya, bolehkah saya menggunakannya lagi? | Tidak, PIN M2U sementara ini sah untuk dipakai sekali sahaja. Jika anda memerlukan PIN M2U sementara yang lain, anda boleh menetapkannya dengan mengunjungi ATM Maybank atau cawangan Maybank terdekat. |
| Q9 | Bolehkah saya menetapkan lebih daripada satu PIN M2U sementara pada masa yang sama? | Tidak, anda hanya boleh mempunyai satu (1) PIN M2U sementara yang sah pada satu masa. Apabila anda menetapkan PIN baharu, PIN sebelumnya akan menjadi tidak sah secara automatik. |
| Q10 | Saya tidak dapat membuat pengesahan menggunakan MyKad/Pasport dan pilihan 'Verify using temporary M2U PIN' kini tidak tersedia selepas beberapa percubaan gagal. Apa yang perlu saya lakukan? | Atas sebab keselamatan, setiap kaedah pengesahan akan dihalang buat sementara waktu selepas tiga percubaan yang tidak berjaya. Anda boleh cuba lagi selepas 24 jam, sebaik sahaja pilihan pengesahan tersedia kembali.<br><br>Jika anda memerlukan bantuan segera, sila kunjungi cawangan Maybank terdekat anda. |

| | | |
|---|---|---|
| Q11 | Saya tidak dapat membuat transaksi kerana saya tidak dapat mengesahkan identiti saya dan saya terlupa PIN aplikasi MAE saya. Apa yang perlu saya lakukan? | If you are unable to complete your identity verification and do not remember your MAE app PIN, Jika anda tidak dapat melengkapkan pengesahan identiti anda dan tidak ingat PIN aplikasi MAE anda, anda boleh menggunakan pengesahan biometrik untuk meneruskan transaksi anda.<br><br>Cara mengaktifkan pengesahan biometrik pada aplikasi MAE:<br><br>Pergi ke 'Settings' > 'Security' > Masukkan kata laluan M2U anda > Buka 'App Biometric Login'<br><br>Sila pastikan pengesahan biometrik (ID Wajah/Pengecaman Wajah atau Cap Jari) telah diaktifkan pada peranti anda sebelum mengaktifkan ciri ini dalam aplikasi MAE. |